

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (REMAJA IRELAND HILANG)

TARIKH: 14 OGOS 2019

MUKA SURAT: 3

SINAR HARIAN • RABU 14 OGOS 2019

3

REMAJA IRELAND HILANG

Kronologi kehilangan Nora Anne Quoirin

3 OGOS 2019

Nora Anne Quoirin, 15, remaja Ireland tiba di resort The Dusun, Pantai di Seremban bersama keluarganya untuk bercuti

4 OGOS 2019

Remaja perempuan yang mempunyai masalah pembelajaran itu disedari hilang oleh ahli keluarganya apabila tiada di bilik penginapannya sekitar jam 8 pagi

5 OGOS 2019

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop menafikan kehilangan Nora Anne sebagai kes penculikan seperti dilaporkan media asing. Kes diklasifikasi sebagai orang hilang

6 OGOS 2019

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta semua pihak berhenti membuat spekulasi sendiri mengenai kehilangan Nora Anne

7 OGOS 2019

Polis mengambil keterangan 20 saksi bagi membantu siasatan mencari gadis Ireland yang hilang

8 OGOS 2019

Polis mengambil rakaman suara ibu Nora, Maebh Jaseprine Quoirin sebagai alternatif untuk 'mengejutkan' Nora. Rakaman suara itu dipasang menggunakan pembesar suara

11 OGOS 2019

Polis membuka talian hotline khas bagi membolehkan orang ramai menyalurkan maklumat berkaitan Nora Anne

12 OGOS 2019

Sekumpulan lima orang pengamal perubatan Islam daripada Rawatan Tradisional Sulafusoleh menawarkan diri membantu dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR) Nora Anne

12 OGOS 2019

Pasukan polis dari England, Ireland dan Perancis kini berada di Malaysia untuk membantu siasatan berhubung kes kehilangan Nora Anne

12 OGOS 2019

Maebh Jaseprine Quoirin menawarkan wang ganjaran RM50,000 kepada mana-mana pihak yang menyalurkan maklumat sehingga berjaya menemui anaknya

13 OGOS 2019

Polis mengesahkan penemuan satu mayat perempuan berkulit putih dalam keadaan masih sempurna lebih kurang dua kilometer dari lokasi Nora Anne menginap

Sah mayat Nora Anne

Keluarga buat pengecaman mayat di HTJ

NORAFIDAH ASSAN

SEREMBAN

Keluarga mengesahkan mayat yang ditemui berhampiran resort The Dusun, Pantai di sini petang semalam milik Nora Anne Quoirin, 15, yang hilang sejak 4 Ogos lalu.

Ketua Polis Negeri, Datuk Mohamad Mat Yusop berkata, pengecaman itu dibuat oleh keluarganya yang datang untuk proses pengecaman di Hospital Tuanku Jaafar (HTJ), Seremban malam tadi.

"Keluarga sahkan mayat tersebut Nora Anne Quoirin yang hilang sejak 4 Ogos. Bagaimanapun proses bedah siasat akan dijalankan pagi esok (hari ini) jam 10 pagi oleh Senior Patologi dari Hospital Kuala Lumpur.

"Hasil bedah siasat baru



Ahli keluarga Nora Anne membuat pengecaman mayat mangsa di HTJ, Seremban malam tadi. Gambar kecil: Nora Anne.

kita buat siasatan lanjut," katanya ketika ditemui media di HTJ semalam.

Sementara itu, Mohamad berkata, operasi mencari dan menyelamat (SAR) di lokasi kejadian gadis itu hilang tidak berhenti sehingga keputusan bedah siasat diperolehi.

"Kita standby untuk jalankan gerakan selanjutnya," katanya.

Sebelum ini, mayat



MOHAMAD

10 operasi SAR itu dibawa keluar dari lokasi menggu-

nakan helikopter.

Pesawat berkenaan dilihat membawa mayat Nora Anne ke Unit Forensik HTJ Seremban.

Nora Anne Quoirin tiba bersama keluarganya di Malaysia pada 3 Ogos lalu untuk percutian selama dua minggu di resort The Dusun di sini.

Gadis itu disedari hilang dari bilik penginapannya oleh keluarganya pada jam 8 pagi, 4 Ogos lalu.

Kes orang hilang di Malaysia

8 JANUARI 2018

Seorang kanak-kanak lelaki yang dilaporkan hilang secara 'misteri' dari rumahnya di Tawau ditemui mati di sungai.

Ketua Polis Tawau, Asisten Komisioner Fadil Marsus berkata, Muhammad Azizan Rosli, 9, dijumpai terperangkap di celah ranting pokok di sungai belakang rumah mereka pada jam 11.31 pagi oleh pasukan mencari dan menyelamat

16 NOVEMBER 2018

Kehilangan pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak, Kota Samarahan, Norashikin Shariffidin, 34, akhirnya selesai apabila beliau ditemui dalam keadaan selamat di Jalan Tun Jugah, Kuching oleh anggota dari Balai Polis Sekama ketika menjalankan rondaan rutin.

Ketua Polis Daerah Kota Samarahan, Superintendan Lee Chong Chern ketika mengesahkan perkara itu berkata, pensyarah terbabit turut menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Samarahan memaklumkan keadaannya

23 MAC 2019

Kehilangan peserta Gopeng Ultra Trail 2019, Mohammad Ashraf Hassan atau lebih dikenali Acap masih menjadi misteri sehingga ke hari ini.

Acap disedari hilang selepas tidak tiba di garisan penamat sebelum rakannya membuat laporan mengenai kehilangannya